

# Imuniti kelompok harapan bendung COVID-19

Oleh Dr Hasni Mahayidin  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah  
Perubatan, Jabatan  
Patologi, Fakulti  
Perubatan dan Sains  
Kesehatan, Universiti  
Putra Malaysia

**Melihat** jumlah kes jangkitan COVID-19 dunia semakin meningkat, imuniti berkelompok satu-satunya harapan untuk menghentikan wabak ini. Ia akan dicapai apabila sejumlah besar individu menjadi kebal terhadap jangkitan lalu menyebabkan penyakit tidak dapat menular dalam komuniti.

Kekebalan terhadap sesuatu jangkitan diperoleh apabila badan menghasilkan antibodi spesifik terhadap agen penyebab penyakit seperti virus COVID-19.

Keupayaan antibodi mengenal agen penyebab penyakit amat spesifik umpama anak kunci dengan mangga. Antibodi

terhadap virus hepatitis atau influenza tidak akan boleh mengenal serta melawan virus COVID-19 dan begitulah sebaliknya.

Penghasilan antibodi akan berlaku melalui dua cara. Pertama, apabila seseorang mendapat jangkitan dan kedua, apabila menerima vaksin terhadap penyakit itu.

Dalam keadaan pertama, virus COVID-19 akan memasuki badan individu dijangkiti. Sistem imun pesakit akan mengenali virus dan menghasilkan antibodi spesifik.

Antibodi dihasilkan akan mengenal dan memus-

nahkan virus COVID-19 dalam badan, seterusnya kesembuhan diperoleh apabila ia disingkirkan sepenuhnya.

Secara umumnya, setiap individu mempunyai sistem imun baik mampu menghasilkan antibodi.

Namun, gejala dialami akibat COVID-19 berbeza dan bergantung kepada faktor seperti umur dan masalah kesihatan sedia ada (komorbiditi). Gejala serta komplikasi teruk biasanya dikaitkan kehadiran komorbiditi pesakit.

Antibodi dihasilkan boleh melindungi pesakit sembuh daripada mendapat jangkitan COVID-19 pada masa hadapan. Namun mengikut kajian, perlindungan antibodi ini tidak kekal untuk tempoh lama.

Penghasilan antibodi oleh badan melalui cara kedua adalah penghasilan antibodi spesifik terhadap virus COVID-19 diperoleh melalui pengambilan vaksin.

Ini kerana vaksin COVID-19 mengandungi komponen virus itu yang penting untuk membolehkan sistem imun mengenal dan menghasilkan antibodi. Bagaimanapun, komponen virus dalam vaksin tidak boleh menyebabkan jangkitan atau penyakit kepada penerima.

Antibodi dihasilkan badan berikutan penerimaan vaksin dikatakan mampu memberi perlindungan untuk tempoh lebih lama berbanding antibodi dihasilkan apabila mendapat jangkitan COVID-19.

Penerima vaksin akan mendapat imuniti terha-

dap COVID-19 tanpa perlu mendapat jangkitan dan berhadapan risiko komplikasi jangkitan.

Amalan alternatif seperti pengambilan vitamin C, habbatus sauda dan madu bukan asing dalam masyarakat. Ini membantu tubuh dan sistem imun secara menyeluruh terutama melalui fungsi antioksidan.

Antioksidan bukan sahaja penting dalam proses melawan agen penyakit seperti virus dan bakteria, malah melindungi daripada kanser serta penyakit akibat proses keradangan seperti aterosklerosis dan penyakit jantung.

Usaha alternatif ini jika diamalkan dengan pemakanan seimbang dan gaya hidup sihat akan menyumbang kepada kesihatan baik secara menyeluruh.

Ia juga mampu menghindari penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi, antara komorbiditi apabila seseorang mendapat sebarang jangkitan, termasuk COVID-19.

Bagaimanapun, kesan usaha alternatif ke atas kesihatan seseorang adalah secara umum. Ia tidak menyumbang imuniti berkelompok secara langsung seperti penghasilan antibodi spesifik yang boleh dihasilkan apabila mendapat jangkitan atau vaksin COVID-19.

Imuniti berpanjangan untuk tempoh lama juga penting bagi mengekalkan imuniti berkelompok agar kita berjaya bebas daripada wabak ini. Oleh itu, pesakit COVID-19 disyorkan untuk menerima vaksin setelah mereka sembuh.